



## **SIARAN MEDIA** **MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

---

### **KADAR DAN KAEDEAH BAYARAN ZAKAT FITRAH TAHUN 1444H / 2023M NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

---

#### **1. KADAR ZAKAT FITRAH**

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak pada 6 – 8 Disember 2022 telah menetapkan harga bagi zakat fitrah bagi tahun 1444H/2023M dengan tiga pilihan harga iaitu RM7.00, RM14.00 dan RM21.00.
  
- ii. Harga minima yang perlu dibayar oleh setiap individu yang berkewajipan mengeluarkan zakat fitrah adalah sebanyak RM7.00 dan digalakkan bagi yang menggunakan beras wangi atau yang seumpama / setara sebanyak RM14.00 dan bagi yang menggunakan beras basmathi atau yang seumpama / setara sebanyak RM21.00. Galakan ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 184 :

Bermaksud : “*Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan lebih daripada yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya*”.

#### **2. KAEDEAH BAYARAN ZAKAT FITRAH**

##### **a) Bayaran melalui amil zakat**

Bayaran melalui amil boleh dibuat melalui tatacara berikut:

- i. Kaunter di masjid atau premis – bayaran boleh dibuat melalui kaunter-kaunter yang dibuka oleh amil fitrah sama ada di masjid, surau, lokasi tumpuan orang ramai (kompleks membeli belah, pasar terbuka, stesen minyak dan premis perniagaan) serta pejabat kerajaan atau swasta terpilih.
  
- ii. Amil bertemu langsung dengan pembayar – kaedah ini boleh dilaksanakan oleh amil fitrah lantikan kariah masjid dengan bergerak dari rumah ke rumah bagi memudahkan ahli kariah melaksanakan ibadah zakat terutama warga tua.

**b) Bayaran secara dalam talian (online)**

Bayaran zakat fitrah boleh dibuat melalui pilihan medium bayaran berikut :

- i. FPX MAIPk dengan melayari <https://ezakat.maiamp.gov.my/>
- ii. Aplikasi GoPayz
- iii. Aplikasi Shopee
- iv. Maybank2u
- v. Aplikasi SnapNPay
- vi. <https://senangzakat.my/?id=MAIPK>

**c) Penyata zakat fitrah (online)**

- i. Penyata bayaran zakat fitrah bagi medium bayaran FPX MAIPk <https://ezakat.maiamp.gov.my/> boleh dimuat turun terus daripada sistem FPX MAIPk.
- ii. Manakala bagi medium bayaran **selain** FPX MAIPk, penyata bayaran zakat fitrah boleh diperolehi selepas **tiga hari** transaksi dibuat. Pembayar perlu mendaftar terlebih dahulu dan login ke dalam sistem portal penyata zakat MAIPk <https://online.maiamp.gov.my/zakatperak/> seterusnya boleh memuat turun penyata bayaran untuk simpanan atau cetakan.



(SHahrul Azam bin Shaari)

**Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**

**16 Mac 2023**